

1.0 PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 (RSN Perak 2020) yang telah diwartakan pada 10 April 2008 telah mencapai 9 tahun pelaksanaan perlu dikaji semula agar dapat diselaraskan dengan perancangan dan peruntukan terkini. Keperluan kajian semula menjadi lebih mendesak setelah berlakunya perubahan terhadap sempadan daerah dan penggantian beberapa Rancangan Tempatan Daerah di Negeri Perak. Kajian semula juga diperlukan bertujuan untuk menterjemah dasar kerajaan negeri dan Rancangan Malaysia Lima Tahun yang telah berubah.

Penyediaan semula Rancangan Struktur (RS) ini juga adalah selaras dengan beberapa peruntukan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu:

Subseksyen 11, Akta 172

"Pengubahan atau kajian semula kepada sesuatu RS hendaklah dibuat setiap 5 tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun negeri. Walau bagaimanapun, pengubahan kepada keseluruhan atau RS boleh dibuat atas arahan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN), jika terdapat perubahan kepada dasar-dasar sektor berkaitan dan terdapat perubahan kepada corak pembangunan negeri."

Subseksyen 11(1), Akta 172

"Sesuatu RS yang telah mula berkuatkuasa hendaklah tertakluk kepada kajian semula tiap-tiap lima tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun negeri dan kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh negeri itu."

Subseksyen 11(2), Akta 172

"Walau apapun subseksyen (1), selepas suatu RS bagi suatu negeri telah mula berkuat kuasa, Pengarah Negeri itu, jika diarahkan sedemikian oleh Jawatankuasa, mengemukakan kepadanya dalam tempoh yang ditentukan dalam arahan itu yang pada fikiran Pengarah Negeri suai manfaat atau sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan cadangan itu berhubung dengan keseluruhan atau sebahagian negeri itu."

Laporan Pemeriksaan merupakan laporan ketiga yang disediakan di dalam proses penghasilan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 dan merupakan kesinambungan daripada Laporan Teknikal yang telah diluluskan pada Disember 2016. Kepentingan penyediaan Laporan Pemeriksaan adalah:

i. Mengemukakan penemuan utama berdasarkan analisis yang telah dijalankan di dalam Laporan Teknikal bagi tujuan pengesahan semasa publisiti awam.
ii. Mengemukakan unjuran serta kedapatan dan kesesuaian tanah untuk perancangan pembangunan sehingga tahun 2040.
iii. Menetapkan matlamat dan objektif pembangunan Negeri Perak 2040.
iv. Mengemukakan cadangan konsep dan strategi pembangunan bagi menentukan hala tuju pembangunan masa hadapan.
v. Membolehkan pihak awam memeriksa laporan seterusnya mengemukakan pandangan berkaitan penemuan, unjuran dan strategi pembangunan yang telah dicadangkan semasa publisiti awam.

Kandungan Laporan Pemeriksaan adalah seperti berikut:

1.0	PENDAHULUAN
	Sedikit latar belakang mengenai definisi RS, keperluan penyediaan RS, latar belakang Negeri Perak dan rumusan pencapaian RSN Perak 2020
2.0	PENEMUAN UTAMA
	Rumusan penemuan utama mengikut tiga aspek pembangunan utama iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan fizikal dan pembangunan sejahtera. Penemuan utama ini diperkukuhkan dengan fakta dan bahan sokongan yang berbentuk pelan dan rajah.
3.0	UNJURAN PEMBANGUNAN PERAK 2040
	Unjuran pembangunan sehingga tahun 2040 bagi sektor-sektor yang berkaitan
4.0	HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGERI PERAK 2040
	Matlamat dan objektif pembangunan Negeri Perak 2040 dan disertakan dengan konsep dan strategi pembangunan mengikut tiga aspek pembangunan utama

1.2 DEFINISI RANCANGAN STRUKTUR

Berdasarkan Seksyen 8(3) Akta 172, RS adalah satu pernyataan bertulis yang menerangkan dasar-dasar dan cadangan strategik peringkat negeri berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan bandar dan luar bandar di sesebuah negeri. Ini termasuklah langkah-langkah untuk memperelokkan lagi alam sekitar, perhubungan dan pengurusan lalu lintas, meningkatkan tahap kesejahteraan, sosioekonomi, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memudahkan pemajuan yang mampan disediakan.

Selain itu, RS mengandungi cadangan-cadangan am bagi pemajuan dan panggunaan tanah dalam kawasan-kawasan tertentu dan lain-lain perkara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). RS turut menyatakan pertalian antara cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya dengan cadangan-cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah di negeri-negeri yang bersempadan dengannya yang dijangka menyentuh negeri tersebut. RS disediakan dengan gambar rajah, gambaran-gambaran dan perihalan yang sesuai bagi menjelaskan dasar-dasar atau cadangan-cadangan yang dikemukakan.

1.3 KEPERLUAN PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040

RSN Perak 2020 telah disediakan pada tahun 2002 dan diwartakan pada 10 April 2008 (Warta No. 495 Jil. 6 Bil. 8) merupakan RS yang kini diguna pakai di Negeri Perak. RSN Perak 2020 telah menggariskan strategi pembangunan spatial dan non spatial dengan wawasan pembangunan Negeri Perak seperti berikut:

'Meletakkan Negeri Perak Di Persada Dunia Berteraskan Pembangunan ICT dan Pendidikan Tinggi Yang Unggul'

Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 perlu disediakan semula bertujuan untuk:

i. Menyelaraskan projek-projek utama Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dengan teras pembangunan Negeri Perak seperti yang telah digariskan bagi mencapai Wawasan 2020 dan Amanjaya 2020.
ii. Menterjemah Pelan Pembangunan Perak Amanjaya 2020 dan laporan-laporan strategik pembangunan Negeri Perak.
iii. Mengambil kira strategi pembangunan koridor Negeri Perak yang dibahagikan kepada empat iaitu Koridor Utara, Koridor Selatan, Koridor Tengah dan Koridor Timur Laut.
iv. Merancang secara mampan Negeri Perak melalui aplikasi teknologi hijau berdasarkan perlaksanaan Dasar Teknologi Hijau, Dasar Pembangunan Kejiranan Hijau dan Dasar Pengurangan Karbon.
v. Mengambil kira mengenai perubahan sempadan daerah termasuk penubuhan daerah-daerah baru.

vi. Menterjemah Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN ke-3), Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN Ke-2), Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) dan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) ke dalam perancangan Negeri Perak untuk mencapai negara yang mampan, daya tahan dan daya huni bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan selepas tahun 2020.

vii. Mengambil kira perancangan yang telah dibuat di dalam penggantian beberapa Rancangan Tempatan Daerah di Negeri Perak.

1.4 KEPENTINGAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040

RS diperlukan bagi melengkapkan sistem perancangan fizikal negara yang terdiri daripada 3 peringkat iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Kepentingan penyediaan RSN Perak 2040 adalah untuk:

i. Menterjemah dasar-dasar pembangunan fizikal negara dalam perancangan pembangunan negeri.

ii. Membentuk matlamat, dasar dan perancangan strategik yang bersepadu berkaitan pembangunan fizikal, sosioekonomi dan persekitaran negeri.

iii. Memandu arah pembangunan fizikal negeri.

iv. Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan spatial negeri (*inter-state disparities*).

v. Menyelaraskan keputusan agensi kerajaan dan swasta.

vi. Membentang isu-isu perancangan dan keputusan kepada JPN.


vii. Menyediakan rangka kerja bagi RTD.

viii. Memenuhi peruntukan Akta 172.

1.5 PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040

Terdapat 3 peringkat utama yang perlu dijalankan bagi menyediakan RSN Perak 2040 ini seperti **Rajah 1.1**.

Rajah 1.1: Proses Penyediaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040



1.6 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040

Matlamat penyediaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 ini adalah:

"Menyediakan suatu rangka kerja perancangan spatial yang bersepadu dan kondusif bagi mengukuhkan kedudukan Negeri Perak di peringkat antarabangsa menjelang 2040."

Bagi memastikan matlamat penyediaan RS ini dapat dicapai, beberapa objektif kajian telah disediakan seperti berikut:

i. Mengkaji dan menilai semula matlamat dan objektif RSN Perak 2020.
ii. Menilai tahap pelaksanaan dasar, strategi dan pelan spatial RSN Perak 2020.
iii. Mengkaji isu dan masalah utama dalam perancangan pembangunan Negeri Perak secara bersepadu termasuk dalam konteks negeri-negeri jiran seperti Selangor, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang.
iv. Mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan pembangunan di Negeri Perak untuk membentuk dasar dan strategi yang kompetitif dan memberi impak jangka masa panjang.
v. Menyediakan cadangan menambah baik dasar sama ada mengubah suai, mengganti atau menggubal dasar baru mengikut teras.
vi. Menyediakan cadangan strategi dan projek pemangkin / *flagship* bagi mengukuhkan pembangunan dan ekonomi Negeri Perak.
vii. Menyediakan mekanisme dan indikator penilaian keberkesanan dasar, strategi dan projek pemangkin bagi tujuan pemantauan.

1.7 LATAR BELAKANG NEGERI PERAK

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian selatan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang di sebelah barat daya, Kelantan di sebelah timur laut, Pahang di timur dan tenggara, Selangor di selatan dan Selat Melaka di barat (**Rajah 1.2**). Negeri Perak juga mempunyai pintu masuk antarabangsa di bahagian utara iaitu di Pengkalan Hulu, Hulu Perak yang menghubungkan dengan Betong, Thailand.

Negeri Perak berkeluasan 20,884 km persegi (2.088 juta hektar) merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dan keempat terbesar di Malaysia. RSN Perak 2040 ini meliputi keseluruhan Negeri Perak termasuk kawasan persisiran pantai 3 batu nautika dari tikas air surut iaitu seluas 161,561.79 hektar termasuk Pulau Pangkor, Pulau Sembilan dan Pulau Marina. Guna tanah utama Negeri Perak pada tahun 2015 adalah rizab hutan (52.59%), pertanian (35.54%) dan kawasan tepu bina hanya 5.67%.



Sumber : Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Rajah 1.2
Lokasi Negeri Perak dan Negeri Bersebelahan

Terdapat 12 buah daerah yang ditadbir oleh 15 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (**Jadual 1.1 - Jadual 1.2** dan **Rajah 1.3 – Rajah 1.4**). Daerah Hulu Perak merupakan daerah terbesar di Negeri Perak (31.41% daripada keluasan Negeri Perak) diikuti dengan Daerah Kuala Langsar (12.17%) dan Batang Padang (8.59%). Daerah terkecil di Negeri Perak adalah Kampar (2.72%). Daerah yang paling membangun (berdasarkan jumlah tepu bina) di Negeri Perak adalah Daerah Kinta, Daerah Manjung serta Daerah Larut Matang dan Selama.

Jadual 1.1: Senarai Daerah Di Negeri Perak


Daerah	Keluasan Daerah (Hektar)*	Peratus (%) Keluasan
Batang Padang	179,417.89	8.59
Muallim	93,434.65	4.47
Manjung	111,500.00	5.34
Kinta	131,727.00	6.31
Kampar	56,788.50	2.72
Kerian	92,147.30	4.41
Kuala Kangsar	254,078.00	12.17
Larut Matang dan Selama	211,143.70	10.11
Hilir Perak	79,207.32	3.79
Bagan Datuk	94,969.89	4.55
Hulu Perak	656,043.93	31.41
Perak Tengah	127,946.00	6.13
Jumlah (Hektar)	**2,088,404.18**	**100.00**

Sumber: JUPEM, 2015 dan Pelan Pewartaan dari PTG Negeri Perak, 2016.
*Nota: * Keluasan daerah belum dimuktamdkan dan terdapat kemungkinan untuk berubah di peringkat Draf RS.*

Jadual 1.2: Senarai Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Daerah Di Negeri Perak

Daerah	Pihak Berkuasa Tempatan
Batang Padang	1. Majlis Daerah Tapah (MDT)
Muallim	2. Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)
Manjung	3. Majlis Perbandaran Manjung (MPM)
Kinta	4. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) 5. Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG)
Kampar	6. Majlis Daerah Kampar (MDKpr)
Kerian	7. Majlis Daerah Kerian (MDK)
Kuala Kangsar	8. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK)
Larut Matang dan Selama	9. Majlis Perbandaran Taiping (MPT) 10. Majlis Daerah Selama (MDS)
Hilir Perak	11. Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI)
Bagan Datuk	
Hulu Perak	12. Majlis Daerah Gerik (MDG) 13. Majlis Daerah Lenggong (MDLG) 14. Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH)
Perak Tengah	15. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)


Sumber: JPBD Perak, 2016.



Daerah	Keluasan (Hektar)
Batang Padang	179,417.89
Muallim	93,434.65
Manjung	111,500.00
Kinta	131,727.00
Kampar	56,788.50
Kerian	92,147.30
Kuala Kangsar	254,078.00
Larut Matang dan Selama	211,143.70
Hilir Perak	79,207.32
Bagan Datuk	94,969.89
Hulu Perak	656,043.93
Perak Tengah	127,946.00
Jumlah (Hektar)	**2,088,404.18**

Sumber : Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Rajah 1.3
Kedudukan Daerah Di Negeri Perak



Sumber : Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Rajah 1.4
Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Perak

1.8 RUMUSAN PENCAPAIAN RSN PERAK 2020

Berdasarkan analisis dan penemuan kajian yang telah dijalankan di dalam Laporan Teknikal, Rajah 1.5 menunjukkan rumusan tahap pencapaian 13 Dasar Perancangan Strategik Negeri (DPSN) dan 13 Strategi Pelaksanaan (SP) RSN Perak 2020 sehingga tahun 2016. Beberapa penemuan utama yang dapat dihuraikan adalah:

Ekonomi

3 DPSN dan 11 SP perlu ditambah baik	Aspek pertumbuhan ekonomi yang melibatkan K-state, pertanian bioteknologi, perkhidmatan ICT dan perindustrian berteknologi tinggi

Sosial

2 DPSN dan 6 SP perlu ditambah baik	Keseimbangan penduduk dan agihan guna tenaga antara daerah

Pembangunan Fizikal

1 DPSN dan 6 SP perlu ditambah baik	Aspek fokus pembangunan tepu bina mengikut hierarki dan pendekatan isi penuh (pembangunan *infill*) terhadap zon guna tanah tepu bina yang masih belum dibangunkan. Konsep pembangunan bertumpu secara '*smart growth*' perlu diberi penekanan di dalam pernyataan dasar-dasar pembangunan fizikal.


Pemeliharaan Alam Sekitar

1 SP perlu ditambah baik	Mekanisme kawalan bagi meningkatkan kualiti alam sekitar

Pengukuhan Institusi Pelaksanaan Negeri

4 SP perlu ditambah baik	Implimentasi dan kaedah pemantauan RSN Perak di kalangan agensi teknikal supaya lebih berkesan dalam meningkatkan tahap ekonomi dan pembangunan fizikal Negeri Perak

Rajah 1.5 : Rumusan Tahap Pencapaian RSN Perak 2020 Sehingga Tahun 2016



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 dan Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.